

MUQADIMAH MAJLIS RATIB AL-‘ATTAS (MRA) DALAM TAREKAT ‘ALAWIYAH

Zikrullah menjadi tuntutan Allah dan RasulNya bagi tujuan mendekatkan diri (taqarrub) kepada Allah SWT. Terdapat 269 kali perkataan zikir dalam al-Quran antaranya dalam *Surah al-Ahzab*, 33:41-42, *al-Ankabut*, 29:45, *al-Baqarah*, 2:156 dan lain-lain.

Zikir dari sudut bahasa bermaksud sebut, ingat dan kenang. Manakala dari sudut istilah tasawuf pula, zikir bermaksud terlepas daripada kelalaian dan kealpaan hati dengan sentiasa merasa hadir diri beserta Allah SWT.

Ratib bermaksud susunan zikir. Ratib al-Attas adalah salah satu daripada koleksi ratib dalam Tarekat Alawiyah (Ahli Bait Rasulullah). Prinsip Tarekat Alawiyah ada 5 perkara iaitu *Ilmu, Amal, Wara', Khauf dan Ikhlas*.

PENGASAS RATIB AL-ATTAS DAN ASMAULLAH AL HUSNA

Ratib al-Attas diasaskan oleh Keturunan Rasulullah S.A.W yang ke 29 iaitu Habib Umar Bin Abd Rahman Al-Attas (w.1072H) di Huraidah, Hadramaut, Yaman. Beliau adalah seorang wali Allah SWT yang bergelar Qutb al-Anfas dan seorang yang buta. Salasilah beliau sampai kepada Saidina Husin Bin Ali RA. Al-Attas bermakna bersin kerana menurut riwayat bahawa Habib Umar Bin Abd Rahman Bin Aqil ketiga-tiganya telah bersin sewaktu dalam kandungan. Ini adalah tanda kewalian yang diberikan kepada mereka.

Ratib al-Attas mengandungi 17 zikir yang bersumberkan al-Quran, hadis dan zikir para wali Allah SWT. Ratib al-Attas memiliki nama yang popular iaitu *Aziz al-Manal Wa Fathu Bab al-Wisol* (sesuatu yang sukar diperolehi dan kunci bagi pintu penghubung).

Manakala amalan membaca Asmaullah al-Husna sebagai tambahan selepas membaca Ratib al Attas telah dipopularkan oleh Habib Ahmad Bin Abdullah al-Attas yang dikenali juga sebagai Habib Ambon, Jakarta, Indonesia sekitar tahun 1990-an.

Tradisi bacaan ratib di Negeri Johor telah dianjurkan lebih 90 tahun yang lalu sama ada bacaan Ratib al-Attas atau al-Haddad secara berjemaah di masjid dan surau. Habib Alwi Bin Tahir Al-Haddad, Mufti Negeri Johor yang ke-4 dan ke-6 pernah mengarahkan para Imam Masjid Kerajaan membaca ratib al-Haddad selepas waktu Maghrib bagi tujuan membenteng Negeri Johor daripada segala gangguan musuh dan keganasan tentera Jepun dan Komunis pada ketika itu (Dato' Imam Mahad, 2015)

BENTUK APLIKASI MAJLIS RATIB AL-‘ATTAS (MRA)

Perintah berzikir dalam al Quran tidak dikhususkan secara bersendirian sahaja namun pada ayat yang lain zikir juga diperintahkan untuk dilakukan secara beramai ramai. Oleh yang demikian, para ulama dalam akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (al-Asya'irah dan al-Maturidiah) sangat menggalakkan diadakan himpunan zikrullah di masjid dan surau serta tempat perhimpunan yang sesuai. Pada kebiasaannya Majlis Ratib Al-‘Attas diamalkan antara waktu Maghrib hingga waktu Isyak secara berjemaah dipimpin oleh seorang Naqib MRA. Aturcara MRA secara kebiasaannya adalah sebagaimana berikut:

1. Naqib akan memberikan tazkirah ringkas berkaitan Ilmu, Islam, Iman dan Ihsan (kepentingan zikrullah) dan membaca hajat-hajat para Jamaah.
2. Membaca al-Fatihah ditujukan kepada Rasulullah SAW ,seluruh ahli keluarganya, para sahabatnya,

dan khusus kepada Sohib al-Ratib (Habib Umar Bin Abd Rahman Al-Attas (w.1072H), Syeikh Ali bin Abdullah al-Baras iaitu murid kesayangan beliau dan seluruh umat Islam.

3. Membaca surah al-Hasyr, 59:21-24 (amalan yang ditambah oleh Habib Ali Bin Hassan al-Attas, Sohib al-Masyhad).
4. Membaca Ratib al-Attas yang mengandungi 17 zikir dibahagikan kepada 9 iaitu Ta'awuz, Basmalah, Hauqalah, Tasbih, Ya Latif, Tahlil, Selawat, Istighfar dan memohon Husnu al-Khatimah.
5. Membaca akhir surah al-Baqarah, 2: 286. Amalan ini ditambah oleh Sohib al-Masyhad.
6. Membaca 5 kali Surah al-Fatihah.
7. Membaca doa Ratib al-Attas susunan Habib Alwi Bin Abdullah al-Haddad (W.1044H).
8. Membaca Qasidah, Istighfar dan Selawat ke atas Nabi SAW.
9. Membaca Asmaullah al-Husna dengan tambahan bacaan Jalla Jallaluhu pada setiap Nama.
10. Bacaan Doa Asmaullah al-Husna

Catatan: Tradisi amalan ini masih dibudayakan sehingga ke hari ini di Masjid Kota Huraidah, Hadramaut, Yaman secara berjemaah selepas solat Isyak kecuali pada bulan Ramadhan ianya dibaca selepas solat Maghrib (Habib Ali, 2007).

FAEDAH APLIKASI MRA

Menurut Habib Ali al-Attas (2007), Ratib al-Attas disusun oleh Sohib al-Ratib atas permintaan penduduk Kota Huraidah, Hadramaut Yaman yang menghadapi pelbagai ancaman seperti ajaran sesat, masalah ekonomi kerana tanah yang tandus dan masalah kecurian yang

berleluasa. Amalan membaca Ratib al-Attas dengan ikhlas dan istiqamah secara harian di rumah atau di masjid dapat membantu pengamalannya melindungi diri dari pelbagai kecelakaan yang tidak diinginkan seperti kebakaran, kecurian dan sebagainya.

Menurut Ibnu Mohsin al-Muari (2017), terdapat empat faedah utama dalam Majlis Zikrullah dalam Tarekat Mu'tabarah:

1. Meninggikan Syiar Allah dengan menyeru nama-namaNya Yang Maha Mulia.
2. Menarik perkara-perkara positif dalam kehidupan seperti menarik pelbagai rezeki yang zahir dan batin.
3. Menolak perkara-perkara negatif dalam kehidupan seperti gangguan dan kedengkian jin, syaitan dan manusia.
4. Memiliki rahsia dan cahaya yang besar dari Allah SWT.

Majlis Zikrullah dalam tarekat Muktabarah seperti majlis ilmu, membudaya dan mengkhathamkan al-Quran, bacaan Surah Yaasin, Surah al-Kahfi dan Surah al-Mulk, Majlis Selawat, Ratib, Hizb, Manaqib, Haul dan sebagainya adalah sebahagian tuntutan agama berdasarkan objektif Maqasid Syariah yang lima seperti model di atas.

Menurut majoriti ulama' Mazhab Syafie dan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiah, ia adalah bid'ah yang mahmudah, hasanah dan terpuji yang memiliki rahsia dan cahaya kebesaran Allah SWT.

RUJUKAN

H.M.H al-Hamid al-Husaini (1996). *Perbahasan Tuntas Perihal Khilafiyah*. Bandung: Yayasan al-Hamidiy.

H.M.H al-Hamid al-Husaini (1999). *Pembaru Abad ke 17, Imam Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad, riwayat, pemikiran, nasihat dan tarekatnya*. Indonesia: Pustaka Hidayah.

Habib Abdullah bin Alwi bin Muhammadal-Haddad (2010). *Nasaih al-Diniyah Wa al-Wasoya al-Imaniyah*. Jakarta: Darul Hijrah.

Habib Ahmad bin Zainal Habsyi BaAlawi (2007). *Sharah al-Aini'ah, Nazam Saidina Habib al-Qutb Abdullah bin Alwi al-Haddad*. Surabaya: Darul Ulum al-Islamiyah.

Habib Ali bin Hasanbin Abdullah bin Husain bin Umar al-Attas BaAlawi al-Hadrami (2007). *Al-Qirtas, Syarah Ratib Imam Umar bin Abdul Rahman bin Aqil al-Attas BaAlawi al-Hadrami*. Bogor: Mahaad Huraidah.

Habib Alwi bin Ahmad bin al-Hasan bin Abdullah bin Alwi al-Haddad BaAlawi (2005). *Syarah Ratib al-Haddad*. Tarim: Hadramaut.

Habib Alwi bin Tahir al-Haddad (1991). *Ukudul Mas Bi Manakib Imam Habib Ahmad bin Hasan bin Abdullah al-Attas*. Singapura: Cetakan Kerjaya.

Habib Muhammad bin Abu Bakar al-Sibli BaAlawi (1982). *Al-Masra al-Rawi Fi Manaqib al-Saddah al-Kiram Aali Abi Alawi*. (t.tp).

Habib Syed Hasan bin Muhammad al-Attas (2008). *Tarekat Alawi'ah Latarbelakang dan Bentuk Amalan. Siri Penjelasan Tasauf*. Johor: Jabatan Agama Johor.

Habib Syed Hasan bin Muhammad bin Salim al-Attas (1997). *Kelebihan Ratib, huraian Ratib Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas*. Singapura: Masjid BaAlawi.

Habib Syed Hasan bin Muhammad al-Attas (1996). *Umar bin Abd. Rahman, kisah dan sejarah al-Qutub al-Anfas Habib Umar bin Abd. Rahman, pengasas Ratib al-Attas*. Singapura: Masjid BaAlawi.

Mohd Azman bin Mohsin (2017). *Ratib al-Attas Amalan Dalam Tarekat Alawiyah di Masjid Habib Hasan Johor Bahru, UTM Skudai, Johor*.



RATIB MRA NEGERI JOHOR

TEAM R&D

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, 80990
Johor Bahru, Johor.


Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244

Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com

Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>

1439 H / 2018 M

Ditashihkan oleh : Jabatan Mufti Johor



KESIMPULAN